



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BAJET 2023: INSENTIF KEPADA KELUARGA MALAYSIA

1. Pembentangan Bajet 2023 oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia pada 7 Oktober 2022 (Jumaat) memberikan pelbagai insentif kepada Keluarga Malaysia termasuk peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).
2. PTPTN amat berterima kasih dan komited untuk melaksanakan inisiatif bajet tahun 2023 seperti berikut :
 - (i) Pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.
 - (ii) Kenaikan kadar pinjaman PTPTN dan penyediaan pinjaman komputer untuk kumpulan M40.
 - (iii) Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM8,000 untuk simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional dilanjutkan sehingga 2024.
 - (iv) Insentif diskauan bayaran balik pinjaman PTPTN bermula **1 November 2022 hingga 30 April 2023** meliputi :
 - a. Diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
 - b. Diskaun 15 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
 - c. Diskaun 15 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut jadual.

3. Perincian pelaksanaan insentif kenaikan jumlah pinjaman, penyediaan pinjaman komputer kepada kumpulan M40 dan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN akan dimaklumkan oleh PTPTN manakala pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dilaksanakan sebagaimana sedia ada dan permohonan telah dibuka bermula 15 September 2022 sehingga 31 Disember 2022 kepada peminjam yang bergraduat pada tahun 2019, 2020 dan 2021. PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dan bersedia untuk membantu peminjam selaras dengan inisiatif #PTPTNSediaBantu.

4. Untuk sebarang pertanyaan, peminjam dan pendeposit PTPTN boleh melayari portal rasmi PTPTN melalui www.ptptn.gov.my atau menghubungi PTPTN melalui saluran berikut :

- *Careline* PTPTN di 03 - 2193 3000
(Beroperasi Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang)
- *Live Chat* di www.ptptn.gov.my
- e-Aduan di <https://eaduan.ptptn.gov.my/>
- Eksekutif Pemasaran PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>
- Media Sosial Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional